

Pencapaian Guru Pelatih Pendidikan Islam UTM dalam Latihan Praktikum Mengikut Persepsi Pelajar

Mohd Nasir Ripin^{a*}, Azhar Muhammad^a, Siti Hajar Dawad^a

^a*Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia*

*Corresponding author: nasirripin@utm.my

Article history

Received: 30 April 2010
Received in revised form: 20 April 2011
Accepted: 7 March 2012

Graphical abstract

Abstract

Practical training is the one of core programme to a higher institution that produces an educational degree. To do so, Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) in collaboration with the Faculty of Islamic Civilisation offer Islamic Studies courses with specialization in Islamic Education. This study examines the students' perception towards the teaching of Islamic Studies School Training (ISST) undergoing practical training in three different schools in the district of Batu Pahat, Johore. The study focuses on three aspects that are the attitude and interest of the pupils, perception towards the teaching aids used by ISST and perception towards the techniques of teaching used by ISST. Overall findings show the student's perception to the teaching of ISST in the above aspects are in positive and high level. A few suggestions to improve the quality of the teaching of the ISST finalise the study.

Keywords: Islam education; practical training; teaching aids; teaching technique

Abstrak

Latihan praktikum adalah salah satu teras kepada sebuah institusi pengajian tinggi yang mengeluarkan produk pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan kerjasama Fakulti Tamadun Islam (FTI) menawarkan kursus pengajian Islam (bagi mata pelajaran Pendidikan Islam). Kertas ini memperlihatkan pencapaian yang diperolehi oleh guru-guru pelatih Pendidikan Islam (GPPI) yang menjalani latihan mengajar tersebut di tiga buah sekolah di Batu Pahat, Johor mengikut persepsi yang dibuat oleh para pelajar. Kajian dilihat dari tiga aspek termasuk minat pelajar terhadap pengajaran yang dilakukan oleh guru pelatih tersebut, alat bantu mengajar dan teknik-teknik pengajaran yang dilaksanakan di dalam kelas. Dapatam menunjukkan pelajar berminat terhadap pengajaran tersebut dan guru-guru pelatih ini telah mencatatkan pencapaian yang positif pada pandangan pelajar. Walaupun demikian, beberapa perkara yang perlu dipertingkatkan bagi memastikan latihan yang diterima mendapat kualiti seperti yang diharapkan.

Kata kunci: Pendidikan Islam; latihan mengajar; bahan bantu mengajar; teknik pengajaran

© 2012 Penerbit UTM Press. All rights reserved.

■1.0 PENDAHULUAN

Profesional perguruan memerlukan setiap guru pelatih menjalani latihan praktikum sebelum melayakkan mereka bertugas di sekolah-sekolah penempatan. Latihan dan pendidikan guru ini diadakan di institut perguruan dan universiti tempatan mengikut kesesuaian kurikulum masing-masing (Esah Sulaiman, 2003). Menyedari kepentingan guru dalam memastikan keberkesanan sistem pendidikan negara, kerajaan telah memperkenalkan program ini sebagai salah satu elemen penting dalam program perguruan. Secara umumnya, tujuan utama latihan mengajar adalah untuk memberi pendedahan kepada bakal guru dengan amalan profesi pendidikan, dalam suasana sebenar di sekolah.

Melalui latihan mengajar, bakal guru berpeluang membiasakan diri mereka dengan situasi dan persekitaran persekolahan di samping berpeluang memperolehi kemahiran asas perguruan (Abu Hassan & Meor Ibrahim, 1997).

Latihan Mengajar bertujuan mendedahkan guru-guru pelatih kepada pengalaman awal dengan budaya sekolah. Guru-guru pelatih ini akan mengalami sendiri proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan interaksi mereka dengan pelajar yang diajar (Aziz Nordin *et al.*, 1990). Mengikut Buku Panduan Latihan Mengajar UTM (2004), latihan mengajar merupakan satu latihan amali untuk guru pelatih mempraktikkan segala teori dan kaedah yang telah dipelajari. Program latihan mengajar merupakan komponen terpenting yang mestilah dijalani oleh bakal

guru dalam kursus perguruan. Menurut Abu Hassan dan Meor Ibrahim (1997), melalui program ini guru pelatih berpeluang menimba pengetahuan dan kemahiran baru dalam bidang perguruan. Semasa latihan mengajar, guru pelatih berpeluang memperdalam segala ilmu dan kemahiran yang berkaitan dengan bidang perguruan dalam suasana bilik darjah yang sebenar.

Selaras dengan perkembangan pendidikan peringkat sekolah menengah, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sehingga kini tersenarai antara Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang mengeluarkan produk guru terlatih dari pelbagai bidang. Di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), guru-guru pelatih yang mengikuti kursus perguruan bagi ijazah sarjana muda pendidikan di Fakulti Pendidikan diwajibkan menjalani latihan mengajar selama 12 minggu. Matlamat utamanya ialah untuk melahirkan guru yang berkualiti, berketrampilan dan berilitzam serta mempunyai ketahanan diri, bersikap positif, mempunyai nilai-nilai dan budi pekerti yang mulia; selaras dengan falsafah pendidikan guru (Buku Panduan Latihan Mengajar UTM, 2004). Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajaran Islam) adalah salah satu bidang pengkhususan dalam program pengajian pendidikan peringkat ijazah pertama yang ditawarkan oleh Fakulti Pendidikan UTM. Guru Pelatih Pendidikan Islam (GPPI) yang mengikuti kursus ini diberikan latihan perguruan bagi menguasai bidang pengajaran atau pendidikan Islam di samping teknologi maklumat dan multimedia pendidikan. Bidang Pendidikan Islam kini memerlukan guru agama yang berpengertianan luas dan mempunyai pelbagai kemahiran bagi menghadapi cabaran dunia pendidikan alaf baru ni. Fakulti Pendidikan UTM berusaha menyahut cabaran tersebut dengan menyediakan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang praktikal agar GPPI mempunyai pengetahuan asas dan kemahiran-kemahiran terkini yang mempunyai perkaitan rapat dengan profesion perguruan.

■2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

GPPI perlu mengaplikasikan segala kemahiran perguruan dalam latihan mengajar. Pendekatan pengajaran dalam Pendidikan Islam ialah pendekatan penggabungjalinan dan merentasi kurikulum. Pendekatan penggabungjalinan ini memerlukan guru untuk menggabung jalin teknik, kaedah dan kemahiran yang berbagai sama ada di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sahaja atau dengan mata pelajaran lain supaya pengajaran dan pembelajaran menarik dan berkesan serta berupaya mencapai objektif pengajaran. Pendekatan pengajaran Pendidikan Islam merentasi kurikulum pula memerlukan guru mengintegrasikan unsur-unsur isi kandungan daripada dua atau lebih mata pelajaran dengan pengajaran Pendidikan Islam. Pendekatan penggabungjalinan dan merentasi kurikulum menekankan kepada menyemai benih iman dalam diri pelajar diikuti dengan pentarbiyanan hati pelajar melalui penyucian, pembersihan, pengawalan dan penyuburan. Pentarbiyanan hati ini adalah dengan cara menanam rasa kecintaan, kerinduan, kasih sayang, penghargaan, pengiktirafan, doa dan fadilat amalan kepada Allah yang Esa. Pendekatan yang dilaksanakan boleh dibuat dalam dua bentuk iaitu bentuk induktif dan deduktif. Pendekatan induktif ialah pendekatan yang menggunakan contoh-contoh sebelum rumusan. Manakala pendekatan deduktif ialah pendekatan yang menggunakan prinsip-prinsip atau rukun-rukun, kemudian diikuti dengan penerangan dan contoh-contoh (Zawawi Hj. Ahmad, 1990).

Pendekatan pengajaran tersebut memerlukan kebolehan dan kebijaksanaan GPPI mencorakkan pengajaran mereka dengan daya imaginasi yang tinggi, kreativiti dan inovasi secara lebih

teratur dan bermakna kepada para pelajar. Ini kerana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dapat membantu pelajar meningkatkan prestasi mereka dalam sesuatu mata pelajaran. Pengajaran dalam pelbagai bentuk dan dimensi memerlukan GPPI arif merancang, mengelola, mengurus dan melaksanakan pengajarannya. Dalam proses pengajaran, GPPI perlu menggunakan pendekatan yang berpadanan dengan objektif pengajaran yang dirancang. Di samping itu, GPPI mesti memilih beberapa kaedah yang dirasakan sesuai dengan pembelajaran pelajar dengan mempraktikkan pelbagai teknik dan aktiviti.

Pengajaran GPPI akan kelihatan tidak sempurna tanpa penggunaan alat bantu mengajar (ABM). Pemilihan ABM hendaklah menarik, selaras dengan aktiviti dan teknik yang digunakan. Kesannya tumpuan pelajar dapat dikekalkan sepanjang pengajaran, mereka dapat mengikuti, memahami dan berminat dengan pengajaran guru. Oleh itu, dalam kajian ini, penyelidik akan meninjau sejauh mana tahap pengajaran GPPI dengan melihat persepsi pelajar terhadap pengajaran GPPI di dalam tempoh latihan mengajar. GPPI ditempatkan di sekolah menengah yang berada di sekitar daerah di dalam negeri Johor.

Melihat peranan guru yang sedemikian rupa dalam dunia pendidikan hari ini, GPPI mempunyai tanggungjawab bersama untuk bertindak sebagai guru yang berkesan sebaik sahaja bertugas di sekolah. Dalam merangka pengajaran yang akan menghasilkan pembelajaran yang efektif di kalangan pelajar, adalah penting bagi GPPI untuk menetapkan pendekatan, kaedah, teknik, aktiviti dan strategi yang sesuai dengan pelajar, yang dapat mencuri tumpuan pelajar dan dapat menarik minat mereka. Di samping itu juga, GPPI perlu menguasai pengetahuan pendidikan, pengetahuan kandungan mata pelajaran yang di ajar dan sikap sebagai pendidik yang baik agar pengajaran yang dijalankan menarik dan dihargai oleh pelajar.

Prestasi guru pelatih UTM dalam latihan mengajar telah dikaji oleh beberapa orang penyelidik dan menunjukkan hasil yang pada umumnya berada di tahap sederhana baik. Selanjutnya dalam aspek persediaan mengajar guru, didapati sederhana baik, manakala dari segi penyampaian pelajaran hanya setakat sederhana sahaja (Shariff bin Omar *et al.*, 1994: 29). Keadaan ini menunjukkan bahawa guru pelatih khususnya GPPI masih kurang berkemahiran mengaplikasikan kemahiran mengajar dengan efektif, fleksibel dan berkesan di dalam pengajaran. Latihan Mengajar telah berlaku begitu lama, namun begitu penyelidik melihat masih belum ada lagi usaha-usaha mengkaji persepsi pelajar terhadap pengajaran guru pelatih Pendidikan Islam UTM.

Kaedah pembelajaran yang efektif dapat merangsang pembelajaran dan meningkatkan proses pembelajaran yang memberikan kepuasan dan keseronokan kepada pelajar malah mencapai objektif sesuatu pembelajaran yang dirangka oleh guru (Abd. Rahim Abd. Rashid, 2005). Penggunaan kaedah dan teknik pengajaran yang berkesan dan menarik minat pelajar merupakan satu daripada empat kemahiran pengajaran di kalangan GPPI yang perlu dikembangkan menunjukkan bahawa keberkesanan pengajaran bergantung kepada faktor kaedah pengajaran yang diaplikasikan dalam pengajaran serta minat pelajar dalam menerima pelajaran.

Berdasarkan fenomena ini, wujud beberapa permasalahan yang berkaitan dengan pengajaran GPPI. Pengajaran yang tidak menarik akan memberi kesan negatif terhadap sikap pelajar dalam proses pembelajaran. Implikasi ini berlaku apabila GPPI kurang memberi penekanan dalam mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran. Tambahan lagi, GPPI juga kurang menggunakan kepelbagaian alat bantu yang menarik. Justeru kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sikap dan persepsi pelajar terhadap beberapa aspek pengajaran GPPI semasa menjalani latihan praktikum di sekolah.

■ 3.0 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat pencapaian GPPI UTM semasa menjalani latihan praktikum di sekolah berdasarkan kepada pandangan pelajar yang mengikuti pengajaran mereka. Secara khususnya, kajian ini dibuat bagi tujuan:

- (a) Melihat sikap pelajar terhadap pengajaran yang dilaksanakan oleh GPPI yang mengikuti program latihan mengajar di sekolah.
 - (b) Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap alat bantu mengajar (ABM) yang diguna oleh GPPI semasa mengajar di dalam kelas.
 - (c) Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap teknik-teknik pengajaran yang dilaksanakan oleh GPPI semasa mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam.

■ 4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian berbentuk deskriptif yang bertujuan untuk melihat persepsi para pelajar terhadap pengajaran yang dilaksanakan oleh GPPI di dalam kelas. Menurut Mohamed Najib Abdul Ghafar (1999:24), kajian deskriptif adalah bertujuan untuk menerangkan keadaan atau perhubungan antara pemboleh ubah. Bentuk kajian ini dapat menerangkan tentang fenomena atau keadaan semasa yang sedang berlaku dalam kumpulan yang dikaji, menerangkan hubung kait di antara pemboleh ubah dan menghasilkan kesimpulan yang lebih tepat mengenai permasalahan bagi kumpulan yang dikaji. Reka bentuk kajian ini adalah tinjauan dengan menggunakan kaedah soal selidik untuk mendapatkan maklumat dan data.

Soal selidik ini mengandung item-item sikap pelajar terhadap pengajaran GPPI, persepsi terhadap ABM yang digunakan oleh GPPI dan teknik-teknik pengajaran yang digunakan oleh GPPI. Penyelidik menggunakan skala Likert

sebagai pengukur untuk menjelaskan setiap skor atau gerak balas item yang diperolehi daripada item-item soal selidik. Penyelidik telah memilih tiga buah sekolah menengah kebangsaan yang berada di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran Malaysia di daerah Batu Pahat, Johor. Ini kerana pada masa kajian ini dibuat hanya tiga buah sekolah ini sahaja yang ditempatkan GPPI untuk menjalani latihan mengajar tersebut.

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar tingkatan 4 yang menerima pengajaran GPPI iaitu sebanyak 250 orang pelajar. Penyelidik hanya mengambil persampelan sebanyak 152 orang secara rawak mudah. Sebahagian besar responden terdiri daripada pelajar aliran kelas sains iaitu sebanyak 79 orang (52%) daripada keseluruhan responden. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden yang menjawab soal selidik kajian ini merupakan pelajar yang terpilih dari sudut pencapaian akademik masing-masing.

Penyelidik terlebih dahulu melakukan kajian rintis dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 10 orang responden yang dipilih secara rawak pada minggu ke 10 latihan mengajar berlangsung. Penyelidik mendapati hasil daripada keputusan kajian rintis yang telah dijalankan menunjukkan kesahan dan kebolehpercayaan bernilai alpha 0.8810. Pada minggu-minggu berikutnya, penyelidik terus menjalankan pengedaran soal selidik kajian ini kepada responden kajian yang sebenar.

■5.0 ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada jawapan yang diberikan oleh pelajar dalam kertas soal selidik kajian, penyelidik melakukan proses penganalisisan data. Analisis kajian dan perbincangan dilakukan berdasarkan kepada tujuan kajian yang digariskan sebelum ini.

5.1 Sikap Pelajar Terhadap Pengajaran GPPI

Perbincangan mengenai sikap pelajar terhadap pengajaran GPPI berdasarkan kepada Jadual 1.

Jadual 1 Peratusan dan min bahagian A

| Item | Perkara | Skala (%) | | | | | Min |
|------|---|-----------|------|------|------|------|------|
| | | STS | TS | KS | S | SS | |
| A1 | Saya sentiasa menumpukan perhatian terhadap pengajaran GPPI | - | 0.7 | 21.1 | 45.4 | 32.9 | 4.11 |
| A2 | Saya sentiasa mencatat isi penting sesuatu pengajaran GPP | 1.3 | 9.2 | 28.3 | 52.0 | 9.2 | 3.59 |
| A3 | Saya akan segera mengangkat tangan untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh GPPI | 4.6 | 17.8 | 38.2 | 23.7 | 15.8 | 3.28 |
| A4 | Saya sentiasa menyiapkan latihan yang diberikan oleh GPPI dengan sempurna | 2.0 | 2.6 | 28.9 | 39.5 | 27.0 | 3.87 |
| A5 | Saya sentiasa menghantar latihan yang diberikan mengikut tempoh masa yang diberikan | 2.0 | 5.3 | 27.0 | 34.9 | 30.9 | 3.88 |
| A6 | Saya akan bertanya kepada GPPI di dalam kelas jika terdapat isi pelajaran yang kurang difahami | 0.7 | 3.9 | 30.9 | 40.8 | 23.7 | 3.83 |
| A7 | Saya suka melibatkan diri dalam setiap aktiviti yang diadakan oleh GPPI di dalam kelas | 1.3 | 5.9 | 18.4 | 36.2 | 38.2 | 4.04 |
| A8 | Saya sentiasa mengadakan perbincangan tentang sesuatu unit pelajaran Pendidikan Islam bersama rakan-rakan yang lain | 1.3 | 5.3 | 21.1 | 39.5 | 32.9 | 3.97 |
| A9 | Saya berasa seronok dengan cara penyampaian dan pengajaran GPPI | 0.7 | 0.7 | 11.2 | 44.7 | 42.8 | 4.28 |
| A10 | Saya bersedia awal untuk kelas yang diajar GPPI | 3.9 | 7.2 | 32.9 | 47.4 | 8.6 | 3.49 |

Berdasarkan Jadual 1, terdapat 7 item soal selidik yang dikemukakan menunjukkan nilai min yang tertinggi terdiri daripada item A1 (4.11), A4 (3.87), A5 (3.88), A6 (3.83), A7 (4.04), A8 (3.97) dan A9 (4.28). Manakala 3 item yang lain didapati mencatatkan nilai min sederhana iaitu item A2 (3.59), A3 (3.28) dan A10 (3.49).

Item A3 telah dikenal pasti mencatatkan nilai min yang paling sederhana. Berdasarkan pernyataan item ini, menggambarkan bahawa pelajar kurang bersegera untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh GPPI semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu penyelidik beranggapan bahawa teknik penyoalan yang digunakan oleh GPPI masih perlu diperbaiki lagi bagi mempengaruhi minat pelajar untuk menjawab soalan lisan yang dikemukakan. Pernyataan ini disokong oleh dapatan kajian Zainah Mahmud (2003:70) yang menyatakan bahawa guru pelatih perlu memperbaiki teknik penyoalan agar pelajar-pelajar berminat untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru. Walaupun begitu, hasil penelitian penyelidik terhadap item A9 menggambarkan bahawa secara keseluruhannya pelajar mempunyai sikap dan minat yang positif terhadap cara penyampaian dan pengajaran GPPI dan ini dibuktikan dengan catatan nilai min yang tertinggi iaitu sebanyak 4.28. Berdasarkan Jadual 1, terdapat 7 item soal selidik yang dikemukakan menunjukkan nilai min yang tertinggi terdiri daripada item A1 (4.11), A4 (3.87), A5 (3.88), A6 (3.83), A7 (4.04), A8 (3.97) dan A9 (4.28). Manakala 3 item yang lain didapati mencatatkan nilai min sederhana iaitu item A2 (3.59), A3 (3.28) dan A10 (3.49).

Item A3 telah dikenal pasti mencatatkan nilai min yang paling sederhana. Berdasarkan pernyataan item ini, menggambarkan bahawa pelajar kurang bersegera untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh GPPI semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu penyelidik beranggapan bahawa teknik penyoalan yang digunakan oleh GPPI masih

perlu diperbaiki lagi bagi mempengaruhi minat pelajar untuk menjawab soalan lisan yang dikemukakan. Penyataan ini disokong oleh dapatan kajian Zainah Mahmud (2003:70) yang menyatakan bahawa guru pelatih perlu memperbaiki teknik penyoalan agar pelajar-pelajar berminat untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru. Walaupun begitu, hasil penelitian penyelidik terhadap item A9 menggambarkan bahawa secara keseluruhannya pelajar mempunyai sikap dan minat yang positif terhadap cara penyampaian dan pengajaran GPPI dan ini dibuktikan dengan catatan nilai min yang tertinggi iaitu sebanyak 4.28.

Di samping itu, hasil keputusan analisis ini juga memungkinkan item A1 (4.11) memperolehi min kedua tertinggi bagi persoalan kajian ini. Peratusan responden yang bersetuju dengan item ini mencatat 78.3%. Seterusnya min item 7 yang mencatatkan 4.04 juga menunjukkan pelajar mempunyai minat yang tinggi dan sikap yang positif terhadap pengajaran dengan penglibatan aktif mereka di dalam setiap aktiviti yang diadakan oleh GPPI di dalam kelas. Item A7 memperolehi min yang tinggi iaitu 4.04 dengan kenyataan "saya suka melibatkan diri dalam setiap aktiviti yang diadakan oleh GPPI di dalam kelas."

Sebagai kesimpulannya, penyelidik mendapati min konstruk pada bahagian ini berada pada tahap yang agak tinggi memandangkan min keseluruhan yang dicatatkan ialah 3.83, memperlihatkan pengajaran GPPI adalah berkesan dan diminati pelajar.

5.2 Persepsi Terhadap ABM Yang Digunakan Oleh GPPI

Perbincangan mengenai persepsi pelajar terhadap ABM yang digunakan dalam pengajaran GPPI berdasarkan kepada Jadual 2:

Jadual 2 Peratusan dan min bahagian B

| Item | Perkara | Skala (%) | | | | | Min |
|------|--|-----------|------|------|------|------|------|
| | | STS | TS | KS | S | SS | |
| B1 | GPPI sentiasa merujuk kepada buku teks/nota semasa menyampaikan pengajarannya | 3.9 | 7.2 | 22.4 | 42.1 | 24.3 | 3.76 |
| B2 | GPPI sentiasa menggunakan papan tulis untuk menyampaikan pengajarannya | 1.3 | 7.9 | 26.3 | 38.8 | 25.7 | 3.80 |
| B3 | GPPI menggunakan kapur berwarna untuk menulis fakta-fakta penting untuk memberi kefahaman kepada pelajar | 7.2 | 13.8 | 27.0 | 27.0 | 25.0 | 3.49 |
| B4 | Penggunaan gambar, carta, kad imbasan dan bahan hakiki yang digunakan oleh GPPI dapat mengukuhkan daya ingatan saya untuk memahami sesuatu pelajaran | - | 0.7 | 6.6 | 32.9 | 59.9 | 4.52 |
| B5 | Saya dapat memberi tumpuan dan berasa minat untuk belajar apabila GPPI menggunakan radio dan kaset dalam pengajarannya | 6.6 | 13.2 | 23.7 | 42.8 | 13.8 | 3.44 |
| B6 | GPPI juga ada menggunakan teknologi komputer untuk menimbulkan minat pelajar dan menumpukan perhatian | 2.6 | 11.2 | 17.1 | 44.1 | 25.0 | 3.78 |
| B7 | GPPI juga ada menggunakan televisyen dan pita video untuk menggalakkan pelajar berfikir dan menumpukan perhatian | 18.4 | 21.1 | 35.5 | 18.4 | 6.6 | 2.74 |
| B8 | Segala alat bantu mengajar yang digunakan oleh GPPI memberi motivasi kepada saya untuk memberi tumpuan dalam pembelajaran | 1.3 | 0.7 | 19.1 | 56.6 | 22.4 | 3.98 |
| B9 | GPPI sentiasa menggunakan alat bantu mengajar yang menarik dan dipelbagaikan | 1.3 | 5.3 | 11.2 | 40.1 | 42.1 | 4.16 |
| B10 | GPPI mahir menggunakan ABM dan ia membantu saya memahami pembelajaran itu | 0.7 | 4.6 | 9.2 | 52.6 | 32.9 | 4.13 |

Secara keseluruhannya, semua item pada bahagian B ini memperolehi purata min antara 2.74 hingga 4.16. Terdapat 7 item yang berada pada tahap min yang tertinggi iaitu item B11 (3.76), B12 (3.8), B14 (4.52), B16 (3.78), B18 (3.98), B19 (4.16) dan B20 (4.13). Kesemua item tersebut menunjukkan persepsi pelajar yang tinggi dan positif terhadap item yang diuji.

Berdasarkan min yang paling tinggi iaitu item B14, pelajar sangat bersetuju bahawa penggunaan gambar, carta, kad imbasan dan bahan hakiki yang digunakan oleh GPPI dapat mengukuhkan daya ingatan mereka untuk memahami sesuatu pelajaran. Penggunaan bahan-bahan dan peralatan ini terbukti mendatangkan kesan yang positif di kalangan pelajar dan perkara ini penting bagi GPPI untuk terus menggunakan ABM tersebut dengan cara yang lebih baik pada masa akan datang. Dapatkan ini mengukuhkan kenyataan Abd. Ghafar Md. Din (2003) yang menyatakan bahawa realia atau bahan hakiki boleh dijadikan alat bantu mengajar yang berkesan. Sementara itu Zawawi Hj. Ahmad (1990) dan Kamarudin Hj. Husin (1986) pula menyatakan gambar, carta, kad imbasan dan benda-benda asli (benda sebenar) adalah antara kategori alat bantu mengajar yang dapat diselami dengan baik oleh pelajar.

Berdasarkan dapatan kajian ini, didapati walaupun persepsi pelajar terhadap item B1 memperolehi min yang tinggi iaitu 3.76, namun item ini jelas menunjukkan GPPI masih terlalu bergantung kepada penggunaan buku teks sepenuhnya malah turut dianggap sebagai ABM yang diguna pakai sepanjang pengajaran. Fenomena ini menunjukkan GPPI kurang bersedia dengan ilmu pengetahuan yang ingin diajar, malah mereka kurang memperluaskan pengetahuan mereka terhadap maklumat terkini dan semasa. Dalam memperkatakan masalah ini, Atan Long (1983) berpendapat bahawa sebagai seorang pembimbing dan pemimpin, guru perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang mendalam tentang pelajaran yang diajar. Walaupun begitu, pengetahuan yang dikuasai oleh seseorang guru pada sesuatu masa tidak akan mencukupi buat selama-lamanya kerana bidang ilmu pengetahuan sentiasa bertambah dan meluas. Oleh yang demikian guru perlu meningkatkan ilmu pengetahuannya sepanjang masa.

Selain itu juga, GPPI tidak boleh memandang sambil lewa terhadap penggunaan ABM di dalam pengajaran. Min bagi item B3 (3.49), B5 (3.44) dan B7 (2.74) menunjukkan pandangan pelajar yang berada pada tahap sederhana dan ini perlu diberikan perhatian. Item B7 mengenai penggunaan televisyen dan pita video untuk menggalakkan pelajar berfikir mencatatkan min paling sederhana bagi konstruk ini. Perkara ini mungkin disebabkan beberapa faktor seperti GPPI kurang atau tidak pernah menggunakan kemudahan alat bantu mengajar tersebut dalam pengajaran, GPPI tidak dapat menyediakan atau sukar untuk mendapatkan bahan dalam bentuk pita video, kekangan masa dan masalah untuk menggunakan kemudahan televisyen yang terdapat di sekolah.

Selanjutnya dapatan analisis data bagi item B5 juga menunjukkan GPPI kurang menggunakan ABM yang menggunakan radio dan kaset dengan catatan min sebanyak 3.44. Berdasarkan kepada analisis item B7 dan B5 pula, dapatkan merumuskan bahawa GPPI perlu mempelbagaikan lagi penggunaan ABM dan meluaskan pemilihan jenis ABM dalam pengajaran mereka. Mook Soon Sang (1993) menyatakan bahawa ABM yang merangsang deria penglihatan dan pendengaran memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Menurut beliau lagi, berdasarkan kajian mengenai konsep dan pengetahuan yang diperolehi oleh pelajar, didapati daripada lima deria, deria penglihatan (75%) dan deria pendengaran (13%) merupakan saluran pancaindera yang penting sekali dalam proses pembelajaran pelajar. Pelajar banyak menggunakan deria

penglihatan dan pendengaran untuk memperolehi ilmu pengetahuan dan menguasai kemahiran-kemahiran tertentu.

Kesimpulannya, kajian ini mendapati min konstruk pada bahagian ini berada pada tahap yang baik memandangkan min keseluruhan yang dicatatkan ialah 3.78, menunjukkan pelajar mempunyai persepsi positif terhadap ABM yang digunakan oleh GPPI, di samping terdapat beberapa item penambahbaikan yang masih perlu dipertingkatkan lagi dalam penggunaan ABM semasa pengajaran GPPI.

5.3 Persepsi Terhadap Teknik Pengajaran Yang Digunakan Oleh GPPI

Perbincangan mengenai persepsi pelajar terhadap teknik yang digunakan dalam pengajaran GPPI berdasarkan kepada Jadual 3.

Persoalan item bahagian C adalah berkaitan dengan persepsi responden terhadap teknik pengajaran yang digunakan oleh GPPI semasa menjalani latihan mengajar. Sebanyak 21 item yang dikemukakan kepada responden diperincikan kepada tiga aspek iaitu teknik peringkat permulaan sebanyak 5 item (C1-C5), peringkat perkembangan dan penyampaian sebanyak 12 item (C6-C17) serta peringkat penutup pengajaran sebanyak 4 item (C18-C21).

Scara lebih spesifik, dapatkan min bagi setiap aspek item tersebut adalah seperti dalam Jadual 4.

Berdasarkan kepada 21 item soalan tersebut, penyelidik mendapati hanya 1 item sahaja iaitu item C17 menunjukkan nilai min pada tahap sederhana iaitu sebanyak 3.66, manakala item selebihnya berada pada tahap yang tinggi. Hasil analisis yang tinggi ini didapati menyokong perbincangan persoalan kajian 1 mengenai penguasaan kemahiran mengajar yang baik dapat menarik minat dan memupuk sikap yang positif di kalangan pelajar terhadap pengajaran GPPI.

Seterusnya penyelidik telah mengenal pasti bahawa item C12 telah mencatat nilai min pada tahap yang tertinggi bagi keseluruhan item persoalan kajian ini dengan jumlah min sebanyak 4.55. Merujuk kepada item ini, hampir 100% responden iaitu sebanyak 98.8% telah membuat pilihan bersetuju terhadap item yang menerangkan GPPI sentiasa mengadakan sesi perbincangan secara berkumpulan oleh pelajar dalam sesuatu pelajaran. Dapatkan ini menunjukkan bahawa GPPI berjaya mengaplikasikan teknik perbincangan dalam pengajaran dan melaksanakannya sebagai satu teknik yang menarik minat pelajar untuk belajar. Kenyataan ini disokong oleh Kamarudin Hj. Husin (1991) yang menjelaskan perbincangan sebagai satu jenis aktiviti pembelajaran yang berupaya menyediakan peluang untuk pelajar memperkembangkan pertumbuhan diri dan sosial.

Manakala item terendah antara item bahagian C ini ialah item C17 iaitu soalan yang mengemukakan tentang persediaan GPPI mempelbagaikan aktiviti soalan latihan (latih tubi) semasa pengajaran. Min 3.66 dicatatkan boleh dianggap berada pada kedudukan sederhana berbanding yang selainnya. Dapatkan hanya mencatatkan 57.8% sahaja yang bersetuju, sementara 5.9% lagi tidak bersetuju. Peratusan yang rendah ini disebabkan terdapat sebanyak 36.2% responden yang kurang bersetuju terhadap persoalan item ini. Dapatkan ini mempunyai kaitan rapat dengan pandangan Sulaiman Ngah Razali (2002) yang menyebut bahawa memilih jenis soalan, menggunakan kaedah menyoal dan mengendalikan jawapan pelajar dengan betul merupakan faktor yang amat penting dalam teknik penyoalan. Begitu juga guru juga sepatutnya bertindak balas terhadap jawapan yang diberikan oleh pelajar dengan baik. Penyelidik berpandangan bahawa situasi ini menunjukkan GPPI kurang memberi penekanan terhadap soalan latih tubi semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Implikasinya pelajar

yang lemah dan masih belum dapat menguasai aspek pemahaman dan penguasaan konsep baru akan ketinggalan. Mengikut Sharifah Alwiyah Alsagof (1986), tujuan pelaksanaan latih tubi itu sendiri ialah untuk mencapai taraf kemahiran pengulangan fakta-fakta, atau untuk melekatkan sesuatu perkaitan supaya menjadi kekal.

Walau bagaimanapun, dapatan min dalam bahagian C ini pada setiap aspek persoalan adalah tinggi iaitu masing-masing mencatatkan min sebanyak 4.15, 4.13 dan 4.00. Justeru dapatan min keseluruhan item bahagian C sebanyak 4.11 jelas menunjukkan majoriti responden berpandangan positif terhadap teknik-teknik pengajaran yang dilakukan oleh GPPI sama ada dari aspek permulaan, perkembangan dan penutup pengajaran.

Jadual 3 Peratusan dan min bahagian C

| Item | Perkara | Skala (%) | | | | | Min |
|---------------------------------|---|-----------|-----|------|------|------|------|
| | | STS | TS | KS | S | SS | |
| C1 | GPPI sentiasa menyolal pelajar di awal pengajaran tentang pelajaran yang lepas | 2.0 | 3.9 | 22.4 | 47.4 | 24.3 | 3.88 |
| C2 | GPPI sentiasa mengaitkan pengetahuan lepas pelajar dengan tajuk yang hendak diajar | 1.3 | 2.0 | 10.5 | 57.2 | 28.9 | 4.11 |
| C3 | GPPI sentiasa memulakan pelajaran dengan mengadakan perbincangan tentang topik yang akan dipelajari | - | 2.0 | 11.8 | 44.1 | 42.1 | 4.26 |
| C4 | GPPI sentiasa memulakan pelajaran dengan mempelbagaikan cara pengajarannya | 1.3 | 0.7 | 9.2 | 58.6 | 30.3 | 4.16 |
| C5 | GPPI sentiasa memulakan pengajaran dengan memberikan contoh-contoh | - | 2.6 | 5.3 | 47.4 | 44.7 | 4.34 |
| C6 | GPPI sentiasa menyolal pelajar semasa mengajar tentang topik yang sedang diajar untuk mengetahui kefahaman dan menarik perhatian pelajar | 0.7 | 0.7 | 3.9 | 49.3 | 45.4 | 4.38 |
| C7 | GPPI mengemukakan soalan lisan yang mencabar dan menggalakkan pelajar berfikir | 2.0 | 2.6 | 19.7 | 46.7 | 28.9 | 3.98 |
| C8 | Soalan lisan yang dikemukakan oleh GPPI menggunakan bahasa yang mudah, ringkas dan tepat | - | 2.0 | 6.6 | 51.3 | 40.1 | 4.30 |
| C9 | GPPI sentiasa mengemukakan soalan penyelesaian masalah dalam kelas | - | 3.9 | 19.1 | 51.3 | 25.7 | 3.99 |
| C10 | GPPI memberi penerangan dan menunjukkan cara melaksanakan kemahiran amali dalam topik ibadah | 2.6 | 2.6 | 24.3 | 42.1 | 28.3 | 3.91 |
| C11 | Tunjuk cara (demonstrasi) yang dijalankan di dalam kelas menambah kefahaman dan kemahiran saya melakukan sesuatu amali | - | 3.3 | 11.8 | 53.9 | 30.9 | 4.13 |
| C12 | GPPI sentiasa mengadakan sesi perbincangan secara berkumpulan oleh pelajar dalam sesuatu pelajaran | - | 0.7 | 2.6 | 38.2 | 58.6 | 4.55 |
| C13 | GPPI sentiasa memberikan huraihan, penjelasan dan penerangan dalam pengajarannya | 1.3 | 1.3 | 5.9 | 44.1 | 47.4 | 4.35 |
| C14 | GPPI sentiasa mengadakan aktiviti permainan dalam pengajarannya | 1.3 | 2.0 | 9.9 | 40.8 | 46.1 | 4.28 |
| C15 | Aktiviti permainan yang diadakan menarik minat dan perhatian saya untuk memahami sesuatu pelajaran | 1.3 | 2.6 | 13.8 | 38.8 | 43.4 | 4.20 |
| C16 | GPPI sentiasa mengadakan aktiviti lakonan (simulasi) bagi menunjukkan berbagai situasi yang berlaku di dalam kehidupan manusia yang sebenar | 2.6 | 5.3 | 27.6 | 37.5 | 27.0 | 3.81 |
| C17 | GPPI sentiasa mempelbagaikan aktiviti soalan latihan (latih tubi) semasa pengajaran | 2.0 | 3.9 | 36.2 | 41.4 | 16.4 | 3.66 |
| C18 | GPPI sentiasa menyolal pelajar pada akhir waktu pengajaran untuk mengetahui kefahaman pelajar | 1.3 | 2.0 | 10.5 | 45.4 | 40.8 | 4.22 |
| C19 | Di akhir pengajaran guru mengadakan perbincangan untuk memandu pelajar membuat kesimpulan mengenai pelajaran yang telah diajar, sebelum memberi latihan | 0.7 | 2.0 | 20.4 | 55.3 | 21.7 | 3.95 |
| C20 | GPPI sentiasa memberi latihan di akhir pengajaran | 2.0 | 2.0 | 23.7 | 50.0 | 22.4 | 3.89 |
| C21 | Latihan yang GPPI beri mengandungi soalan yang senang hingga kepada soalan yang susah | 2.6 | 4.6 | 17.8 | 45.4 | 29.6 | 3.95 |
| Purata Min Keseluruhan Konstruk | | | | | | | 4.10 |

Jadual 4 Pembahagian aspek soalan dalam bahagian C

| Bil. | Aspek-Aspek Dalam Bahagian C | Jumlah Soalan | Min |
|--------------------|--|---------------|------|
| 1 | Peringkat permulaan pengajaran (C1-C5) | 5 | 4.15 |
| 2 | Peringkat perkembangan dan penyampaian dalam pengajaran (C6-C17) | 12 | 4.13 |
| 3 | Peringkat penutup dalam pengajaran (C18-C21) | 4 | 4.00 |
| Jumlah Keseluruhan | | 21 | 4.10 |

■6.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Hasil kajian ini memberikan dapatan awal mengenai pencapaian GPPI semasa menjalani latihan praktikum di sekolah penempatan. Kesimpulan kajian ini dapat dinyatakan seperti berikut:

- Sikap pelajar terhadap pengajaran GPPI adalah positif dengan peratus bersetuju berada pada tahap min yang tinggi iaitu 3.83.
- Persepsi pelajar terhadap ABM yang digunakan oleh GPPI berada pada tahap min yang tinggi iaitu 3.78. Ini menunjukkan bahawa pelajar berminat terhadap ABM yang digunakan oleh GPPI, namun GPPI masih perlu mempelbagaikan ABM dan meluaskan pemilihan terhadap jenis ABM yang akan digunakan di dalam pengajaran. GPPI didapati sentiasa menggunakan buku teks/nota, papan tulis, gambar, carta, kad imbasan, dan bahan hakiki berbanding dengan ABM lain. Penggunaan bahan media elektronik oleh GPPI hanyalah tertumpu kepada teknologi komputer dan kurang kepada radio dan kaset, pita video dan televisyen. Hampir semua pelajar menyatakan GPPI merujuk dan bergantung kepada buku teks semasa menyampaikan pengajaran.
- Persepsi pelajar terhadap teknik-teknik pengajaran yang digunakan oleh GPPI juga didapati positif dengan peratusan bersetuju hampir 100%. Min yang tinggi dicatatkan pada teknik yang dilakukan oleh GPPI ketika memula, menyampai dan menutup pengajaran berada pada tahap 4.00 atau lebih. Teknik perbincangan dikenal pasti sebagai teknik yang sering kali digunakan oleh GPPI untuk menyampaikan pengajaran berbanding teknik-teknik lain. Walaupun begitu, kemahiran teknik latih tubi masih perlu diperkemaskin lagi pelaksanaannya dalam pengajaran kelas.

Beberapa cadangan boleh dikemukakan hasil daripada dapatan kajian ini. Antaranya pihak fakulti masih perlu memberikan penekanan kepada GPPI terhadap penggunaan teknologi terkini dalam aktiviti-aktiviti pengajaran. Memandangkan pencapaian GPPI yang baik, pihak KPM disyorkan agar membuka lebih banyak peluang kepada calon-calon yang ingin mengambil bidang pendidikan (pengajaran Islam) di Universiti Teknologi Malaysia bagi memenuhi

keperluan tenaga pendidik Pendidikan Islam yang turut didedahkan dengan kepelbagaiannya asas dan kemahiran teknologi terkini. Semoga tindakan ini akan dapat menambahkan bilangan guru-guru agama yang mempunyai kepakaran dan daya saing yang tinggi khususnya dalam pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam.

Rujukan

- Abd. Ghafar Md. Din. 2003. *Siri Pengajian Dan Pendidikan Utusan, Prinsip dan Amalan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abd. Rahim Abd Rashid. 2005. *Profesionalisme Keguruan: Prospek dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz Nordin, Mohd Yusof Arshad, Abu Zahari Abu Bakar, Baharuddin Aris, Nadzari Shaari. 1990. *Pandangan Dan Penilaian Murid Serta Guru Mata Pelajaran Sekolah Menengah Terhadap Pengajaran Guru Pelatih UTM*. Universiti Teknologi Malaysia: Unit Penyelidikan dan Perundingan.
- Atan Long . 1983. *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Esah Sulaiman. 2003. *Modul Pengajaran Asas Pedagogi*. Skudai, Johor Darul Ta'zim: Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Fakulti Pendidikan UTM. 2004. *Panduan Latihan Mengajar Fakulti Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarudin Hj. Husin. 1986. *Siri Maktab Perguruan, Panduan Latihan Mengajar*. Kuala Lumpur: Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. 1999. *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor Darul Ta'zim: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mook Soon Sang. 1992. *Pedagogi 2, Strategi Pengajaran-pembelajaran, Pengajaran Mikro, Persediaan Untuk Pengajaran Praktik*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Shariff B. Omar, Baharuddin B. Aris, Mohd. Ghani B. Awang, Baharin B. Abu. 1994. *Penilaian Penyeliahan Terhadap Prestasi Guru Pelatih UTM Dalam Latihan Mengajar. Prosiding Seminar JKLUKAU Ke-9, Pendidikan Guru: Cabaran, Falsafah dan Strategi Dalam Pembentukan Guru Yang Unggul*. 15-16 Januari 1994, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sharifah Alwiyah Alsagoff. 1986. *Siri Maktab Perguruan, Ilmu Pendidikan: Pedagogi*. Petaling Jaya, Selangor: Heinemann (Malaysia) Sdn.Bhd.
- Sulaiman Ngah Razali. 2002. *Pedagogi Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainah Mahmud. 2003. *Penilaian Penyeliahan Latihan Praktik Terhadap Kemahiran Asas Mengajar Pelajar 4 SPI Dalam Latihan Praktikal*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis. Sarjana Muda.
- Zawawi Hj. Ahmad. 1990. *Strategi Pengajaran Pendidikan Islam KBSM*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Siri Pengajaran Fajar Bakti.